

08/09/1997

12 pengurus dana asing penentu nadi BSKL

Kadir Dikoh

KECERIAAN Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang meningkat secara mendadak akhir minggu lalu, sekali gus melegakan sedikit 'musim muram' pelabur, mungkin dapat dipertahankan minggu ini jika tiada kemunculan sebarang keadaan tidak menentu di pasaran.

Pada penutup minggu lalu, Indeks Komposit di BSKL pulih 90.47 mata atau 12.37 peratus, catatan tertinggi dalam sehari sejak 14 Januari 1994, untuk mencecah 821.59 mata yang dianggap satu kejutan menggalakkan setelah beberapa perkembangan positif.

Namun, lantunan minggu ini akan bergantung kepada tindak balas lebih 12 pengurus dana antarabangsa untuk memasuki semula pasaran setelah mereka mengadakan pertemuan 'dari hati ke hati' dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin menjelang hujung minggu lalu.

"Ini satu petanda baik dan apabila sentimen positif berterusan, pelabur asing akan memasuki pasaran secara besar-besaran. Apabila ini berlaku, satu lagi kejutan positif akan berlaku mungkin menjelang akhir bulan ini," katanya.

Bagaimanapun, ahli ekonomi kanan TA Securities, Anthony Dass yakin indeks komposit itu dijangka mencecah ke tahap 875 mata minggu ini jika tiada kemunculan sebarang keadaan tidak menentu seperti pengumuman peraturan secara mengejut yang boleh menggugat keyakinan pelabur.

Menurutnya, buat masa kini harga saham masih kompetitif dan ia kelihatan menarik untuk dibeli dengan perolehan sesaham (PE) 12.6 kali lebih murah.

Pasaran kembali pulih Jumaat lalu berikutan perkembangan positif. Antaranya pengumuman kerajaan untuk menanggung projek besar, penarikan semula taraf "sekuriti bertanda" terhadap 100 saham komponen Indeks Komposit dan defisit dagangan lebih rendah, iaitu RM900 juta pada Julai tahun ini - satu pemulihan ketara jika dibandingkan dengan defisit sebanyak RM2.8 bilion pada Jun.

Keadaan itu membantu meningkatkan sentimen pasaran yang menyaksikan pelabur asing mengambil kesempatan untuk menampung jualan singkat mereka.

Khamis lalu, menyaksikan tahap terendah 675.15 mata tetapi berjaya melantun dengan kuat untuk ditutup 731.12 walaupun menurun 19.64 mata berbanding sehari sebelumnya.

Malah, akhir minggu lalu turut memperlihatkan harga saham di pasaran Asia Pasifik naik serentak apabila kerajaan masing-masing bertindak untuk mengembalikan keyakinan pelabur.

"Ini adalah kali pertama usaha paling berjaya dibuat oleh dana tempatan untuk membeli saham dan pasaran bagaikan melepasi paras terendah," kata seorang pengurus dana asing.

Bagi Malaysia kata beliau, kerajaan akhirnya membuat tindakan betul bagi mengembalikan kestabilan pasaran berkaitan T+5 (berikutan penarikan semula taraf "sekuriti bertanda" terhadap 100 saham komponen Indeks Komposit).

Pada 27 Ogos, BSKL mengejutkan pasaran dengan pengumuman bahawa 100 saham komponen Indeks Komposit dijadikan "sekuriti bertanda" bererti dagangan saham terbabit dihadkan kepada "serahan sebelum jualan".

Peraturan yang diumumkan oleh BSKL itu bertujuan untuk mengusir keluar manipulator yang meminjam saham dan menjualnya berulang kali dengan niat mencari untung dengan cara menekan pasaran.

Dr Mahathir berkata, peraturan itu adalah bagi membendung manipulasi, bukan spekulasi. Bagaimanapun, peraturan itu dibatalkan berkuatkuasa

Jumaat lalu yang terus melonjakkan pasaran.

"Pasaran yang muram sejak kebelakangan ini sebenarnya boleh terus kembali pulih selagi pihak pengurus ekonomi negara (kerajaan) mengelak daripada membuat sebarang kenyataan yang boleh melemahkan pasaran seperti soal "sekuriti bertanda", " katanya.

Keceriaan pasaran di BSKL itu turut melimpah kepada ringgit. Pada sebelah pagi Jumaat lalu, ia bergerak lebih tinggi dengan mendadak berbanding dolar Amerika. Pada jam 5 petang, ringgit diurusniagakan pada 2.9425/75 berbanding dolar berbanding dengan 3.0340/90 pada penutup sebelum itu.

Ringgit turut meningkat berbanding mata wang utama lain. Berbanding dolar Singapura, ringgit diniagakan pada 1.9383/29 berbanding dengan 1.9869/15 pada penutup petang Khamis, manakala berbanding yen Jepun, ringgit diniagakan pada 2.4238/85 dari 2.5160/22.

Berbanding deuschemark, ringgit meningkat kepada 1.6204/36 daripada 1.6281/13 dan berbanding paun sterling, unit tempatan itu kukuh kepada 4.6632/41 berbanding 4.7889/99 sebelumnya.

(END)